

PM mahu rakyat terapkan *survival* bangsa jayakan RMK-9

Jangan pentingkan diri

UM - 4/4/2006

KUALA LUMPUR 3 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat negara ini, yang bakal terbabit secara langsung dalam proses Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), agar jangan hanya memikirkan kepentingan diri.

Perdana Menteri berkata, jika wujud unsur-unsur kepentingan diri itu, maka akan timbul konflik.

Tanpa menghuraikan konflik yang dimaksudkan itu, beliau sebaliknya berkata, kepentingan yang harus diterapkan ialah mengenai soal kepentingan bangsa.

"Kalau kita semua fikirkan *survival* bangsa, maka tidak akan (ada) konflik di dalam diri kerana kita mempunyai tujuan yang sama.

● Wawancara penuh - Muka 10,11

"*Survival* hanya akan terjamin bila ada kekuatan. Kita sedang membina keupayaan dan kekuatan itu. Jangan ada pihak... yang sanggup menghalang berlakunya perubahan yang hendak kita lakukan ke arah *survival* bangsa dan *survival* negara," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diwawancara oleh Datuk Johan Jaffar dalam rancangan 'Di Sebalik Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)' di RTM1 malam ini.

Jumaat lepas, Abdullah membentangkan usul RMK-9 di Dewan Rakyat dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM200 bilion bagi tempoh 2006 hingga 2010, RM30 bilion lebih berbanding peruntukan RMK-8.

Abdullah berkata, RMK-9 berbeza daripada Rancangan-Rancangan Malaysia terdahulu kerana ia bukan sekadar sebuah pelan malah sebahagian daripada Misi Nasional, misi yang melibatkan semua rakyat yang boleh melahirkan satu semangat dan kekuatan untuk mencapai cita-cita tersebut.

"Kalau kita ada dalam kepompong, tak boleh. Kita tak boleh nak merancang, berfikir dan menentukan hanya dalam persekitaran kita, seolah-olah dunia luar tidak ada apa benda bagi kita.

"Seolah kita tak ada kepentingan langsung, kita hanya seronok, seronok dengan kampung kita sahaja. Tak mau jadi macam itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan

Jangan pentingkan diri

tetap komited dengan matlamat menjadikan kerajaan yang diterajunya sebuah kerajaan yang terbuka dan telus.

Bagaimanapun, tegasnya, di sebalik komitmen sedemikian (rakyat harus mengakui hakikat) bahawa kebebasan tetap mempunyai had.

"Tidak ada kebebasan tanpa had...apa pun kebebasan, sama ada kebebasan akhbar atau kebebasan bersuara mesti ada had dan undang-undang," katanya.

Johan bertanyakan kepada Abdullah sama ada beliau komited untuk meneruskan agenda mewujudkan sebuah kerajaan yang terbuka dan telus.

Abdullah berkata, suasana kelam kabut akan tercetus di negara ini jika ada orang yang ingin menegakkan haknya tanpa mempedulikan undang-undang, semata-mata atas nama kebebasan.

"Bila berlaku kelam kabut dan anarki akan timbul pula satu lagi golongan yang rakus yang akan mengeluarkan gendangnya," kata beliau.

Menjawab satu soalan lain, Abdullah berkata, penubuhan Institut Integriti Malaysia serta penerapan Islam Hadhari dan nilai-nilai murni sejagat dalam hal pembangunan negara adalah sebahagian usaha pencegahan penularan rasuah di negara ini.

Sambil menegaskan kesungguhannya untuk memerangi rasuah secara habis-habisan, beliau berkata pencegahan merupakan elemen yang penting ke arah itu.

"Macam-macam telah kita wujudkan (dalam usaha pencegahan itu). Kita tak boleh berputus asa," katanya.